



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FEMININ SAKRAL DALAM WATAK HALUS WAYANG KULIT KELANTAN

FARA DAYANA MOHD JUFRY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Wayang Kulit Kelantan (WKK) merupakan salah satu teater tradisional yang sering dipersembahkan di Kelantan suatu ketika dahulu. Kajian ini memilih repertoire dari epik Ramayana sebagai sumber untuk mendapatkan ciri-ciri feminin dalam reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif dalam watak-watak halus Wayang Kulit Kelantan. Antara ciri-ciri feminin yang dominan dalam watak-watak halus WKK ialah penyayang, tidak menggunakan bahasa kasar, belas kasihan, bercakap lemah lembut, sensitif dengan keperluan orang dan memahami. Kajian ini penting untuk perkembangan ilmu dalam meneliti sifat dan latar belakang watak-watak halus WKK. Oleh yang demikian, kaedah etnografi diguna pakai untuk mencapai tiga objektif. Objektif pertama ialah merungkai ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak-watak halus WKK melalui reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif. Ciri-ciri ini dirungkai dengan menggunakan Teori Skema Gender dan Bem Sex-Role Inventory sebagai pengukur. Objektif kedua ialah menggariskan proses pembentukan ciri-ciri feminin dalam perwatakan watak-watak halus WKK dan objektif terakhir ialah mensintesikan ciri-ciri feminin dalam watak-watak halus dan menegaskan bahawa ciri-ciri feminin dalam WKK merupakan suatu simbol status feminin sakral. Kajian ini menggunakan komponen feminin sakral untuk menggariskan status watak-watak halus WKK melalui ciri-ciri feminin watak-watak halus dan disokong oleh konsep kosmologi. Selain itu, hubungan metafizik antara watak-watak halus dan pencipta dapat meletakkan watak-watak halus WKK berada pada satu status yang tinggi. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa ciri-ciri feminin yang dimiliki oleh watak-watak halus menunjukkan golongan bangsawan WKK diangkat pada satu status yang menghampiri sakral. Justeru itu, kajian ini telah memberi implikasi kepada perkembangan ilmu dengan membuka pandangan positif para sarjana terhadap teater tradisional yang telah menggunakan konsep femininiti.





SACRED FEMININE: A SYMBOL OF WAYANG KULIT KELANTAN CHARACTER'S STATUS

ABSTRACT

Wayang Kulit Kelantan (WKK), a puppet-shadow play, is a form of a traditional theatre performance that performed in Kelantan in the olden days. This research chose a repertoire from the epic of Ramayana as the source to study the feminine traits in the designs of gambalan, movements of gambalan and narrative texts in the fine characters of Wayang Kulit Kelantan. Among the dominant feminine traits in WKK's fine characters are affectionate, does not use harsh language, compassionate, soft spoken, sensitive to the needs of others and understanding. The research was important for the development of knowledge in examining the characteristics and background of WKK's fine characters. Therefore, ethnographic methods was use to achieve three objectives. First objective is to unravel feminine traits of fine characters of WKK through the designs of gambalan, movements of gambalan and narrative texts. The traits addressed using the Gender Scheme Theory and Bem Sex-Role Inventory as an estimator. Second objective is to outline the process of forming feminine characteristics of WKK fine characters and the last objective is to synthesize feminine characteristics of fine characters and emphasize that the feminine characteristics in WKK is a form of sacred feminine status. This study uses the sacred feminine component to outline the status of fine characters through distinctive feminine identities and supported by the concept of cosmology. In addition, the relationship between the metaphysics of fine characters and creator can put subtle WKK figures are on a high status. In conclusion, the feminine traits possessed by the fine characters showed WKK aristocracy was appointed at a status that approaches the sacred. Hence, this study had implicate the development of knowledge by opening up scholar's positive views on the traditional theatre that used femininity concept.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xx



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Hipotesis	5
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Skop Kajian	6
1.8 Metodologi	6
1.8.1 Reka bentuk Kajian	7
1.8.2 Sampel	12
1.8.3 Prosedur Pengumpulan Data	12





1.8.3.1	Peringkat pertama	13
1.8.3.2	Peringkat kedua	13
1.8.3.3	Peringkat ketiga	15
1.8.4	Teknik Menganalisis Data	16
1.8.5	Instrumen Kajian	19
1.9	Kerangka Teori	21
1.9.1	Teori Skema Gender	24
1.9.2	Konsep Kosmologi	28
1.10	Istilah Konseptual	31
1.10.1	Gambalan	31
1.10.2	Gender	32
1.10.3	Watak Halus	32
1.10.4	Pendalangan	33
1.10.5	Teks Naratif	34
1.10.6	Metafizik	35
1.10.7	Sakral	35
1.11	Kajian Literatur	36
1.12	Organisasi Tesis	43



BAB 2 KOSMOLOGI DAN KONSEP DEWARAJA BERDASARKAN PENGAMAL

2.1	Perkembangan Epik Ramayana ke Kelantan	46
2.2	Tokoh Wayang Kulit Kelantan	54
2.3	Kosmologi dan konsep Dewaraja dalam Wayang Kulit Kelantan	56
2.4	Feminin Sakral	59





BAB 3 PEMBINAAN PERWATAKAN WATAK-WATAK HALUS WAYANG KULIT KELANTAN

3.1 Pendahuluan	63
3.2 Latar Belakang Watak-watak Halus	64
3.2.1 Seri Rama	64
3.2.2 Laksamana	66
3.2.3 Siti Dewi	68
3.3 Pembinaan Watak	69
3.3.1 Seri Rama	70
3.3.2 Laksamana	77
3.3.3 Siti Dewi	83



BAB 4 FEMININ SAKRAL DALAM REKA BENTUK GAMBALAN SERI RAMA, LAKSAMANA DAN SITI DEWI



4.1 Pendahuluan	92
4.2 Reka Bentuk Seri Rama	95
4.2.1 Bentuk aras Seri Rama	96
4.2.2 Reka bentuk bahagian atas gambalan Seri Rama	97
4.2.3 Reka bentuk bahagian tengah gambalan Seri Rama	102
4.2.4 Reka bentuk bahagian bawah gambalan Seri Rama	105
4.3 Reka Bentuk Laksamana	111
4.3.1 Reka bentuk aras Laksamana	111
4.3.2 Reka bentuk bahagian atas gambalan Laksamana	113
4.3.3 Reka bentuk bahagian tengah gambalan Laksamana	115
4.3.4 Reka bentuk bahagian bawah gambalan Laksamana	118





4.4 Reka Bentuk Siti Dewi	122
4.4.1 Reka bentuk asas Siti Dewi	122
4.4.2 Reka bentuk bahagian atas gambalan Siti Dewi	124
4.4.3 Reka bentuk bahagian tengah gambalan Siti Dewi	126
4.4.4 Reka bentuk bahagian bawah gambalan Siti Dewi	129

BAB 5 FEMININ SAKRAL DALAM PERGERAKAN GAMBALAN SERI RAMA, LAKSAMANA DAN SITI DEWI

5.1 Pendahuluan	135
5.2 Sistem Asas Pergerakan Gambalan Wayang Kulit Kelantan	136
5.2.1 Prinsip memegang dan meletakkan gambalan pada kelir	138
5.2.2 Prinsip mencucuk dan mengeluarkan gambalan dari batang pisang	141
5.2.3 Prinsip penyusunan gambalan	142
5.2.4 Prinsip keluar masuk gambalan pada kelir	144
5.3 Ciri-Ciri Feminin Seri Rama Dalam Pergerakan	145
5.3.1 Penyayang	146
5.3.2 Seperti kanak-kanak	148
5.3.3 Feminin	151
5.3.4 Lembut	157
5.3.5 Mudah ditipu	161
5.3.6 Sensitif dengan keperluan orang	163
5.3.7 Bercakap lemah lembut	165
5.3.8 Memahami	169
5.3.9 Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan	172
5.4 Ciri-Ciri Feminin Laksamana Dalam Pergerakan	176





5.4.1 Penyayang	176
-----------------	-----

5.4.2 Belas kasihan	180
---------------------	-----

5.4.3 Menenangkan hati terluka	182
--------------------------------	-----

5.4.4 Feminin	184
---------------	-----

5.4.5 Lembut	186
--------------	-----

5.4.6 Sensitif dengan keperluan orang	188
---------------------------------------	-----

5.4.7 Bersimpati	191
------------------	-----

5.4.8 Memahami	193
----------------	-----

5.4.9 Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan	197
--	-----

5.5 Ciri-Ciri Feminin Siti Dewi Dalam Pergerakan	200
--	-----

5.5.1 Penyayang	201
-----------------	-----

5.5.2 Seperti kanak-kanak	203
---------------------------	-----

5.5.3 Mudah ditipu	205
--------------------	-----

5.5.4 Bercakap lemah lembut	209
-----------------------------	-----

5.5.5 Bersimpati	211
------------------	-----

5.5.6 Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan	213
--	-----

5.5.7 Tidak memberi tekanan	215
-----------------------------	-----



BAB 6 FEMININ SAKRAL SERI RAMA, LAKSAMANA DAN SITI DEWI DALAM TEKS NARATIF WAYANG KULIT KELANTAN

6.1 Pendahuluan	221
-----------------	-----

6.2 Sinopsis Hikayat Seri Rama	222
--------------------------------	-----

6.2.1 Kelahiran Mahraja Wana	222
------------------------------	-----

6.2.2 Kelahiran Seri Rama	223
---------------------------	-----

6.2.3 Burung Jerijit	224
----------------------	-----

6.2.4 Maharisi	224
----------------	-----





6.2.5 Dewa Sayang Kenung	225
6.2.6 Pembesaran Mahraja Wana	226
6.2.7 Sirat Mahraja	227
6.2.8 Mahraja Wana berkuasa	227
6.2.9 Anak Dewa Cahaya Matahari dan Dewa Cahaya Bulan	228
6.2.10 Mahraja Wana mencari isteri	228
6.2.11 Kehidupan Siti Dewi	229
6.2.12 Raja Kayangan	231
6.2.13 Tuan Puteri Maya Angin	232
6.2.14 Mengingkari janji	233
6.2.15 Helah Mahraja Wana	233
6.2.16 Usaha mencari Siti Dewi	235
6.3 Ciri-Ciri Feminin Seri Rama Melalui Teks Naratif	237
6.3.1 Penyayang	237
6.3.2 Belas Kasihan	240
6.3.3 Feminin	242
6.3.4 Lembut	244
6.3.5 Mudah Ditipu	246
6.3.6 Sensitif Dengan Keperluan Orang	248
6.3.7 Bercakap Lemah Lembut	250
6.3.8 Bersimpati	251
6.3.9 Kelembutan, Kebaikan Dan Kasih Sayang	252
6.3.10 Memahami	253
6.3.11 Menunjukkan Semangat, Kasih Sayang atau Kebaikan	255
6.3.12 Tidak Memberi Tekanan	257





6.4 Ciri-Ciri Feminin Laksamana Melalui Teks Naratif	263
6.4.1 Belas Kasihan	263
6.4.2 Menenangkan Hati Yang Terluka	264
6.4.3 Setia	266
6.4.4 Sensitif dengan keperluan orang	267
6.4.5 Bersimpati	270
6.4.6 Memahami	272
6.4.7 Menunjukkan semangat, kasih sayang atau kebaikan	272
6.4.8 Tidak memberi tekanan	274
6.5 Ciri-Ciri Feminin Siti Dewi Melalui Teks Naratif	282
6.5.1 Penyayang	282
6.5.2 Tidak menggunakan bahasa kasar	283
6.5.3 Feminin	284
6.5.4 Lembut	285
6.5.5 Mudah ditipu	286
6.5.6 Sensitif dengan keperluan orang	287
6.5.7 Bercakap lemah lembut	288
6.5.8 Memahami	289
6.5.9 Menunjukkan semangat, kasih sayang dan kebaikan	290
6.5.10 Tidak memberi tekanan	291

BAB 7 FEMININ SAKRAL MENGESAHKAN STATUS WATAK HALUS WAYANG KULIT KELANTAN

7.1 Pendahuluan	299
7.2 Feminin Sakral	300
7.3 Konsep Dewaraja Dalam Hindu	317





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

7.3.1 Konsep Dewaraja dalam Wayang Kulit Kelantan	318
BAB 8 KESIMPULAN	321
BIBLIOGRAFI	326
LAMPIRAN	332



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
1.1 Elemen Kajian Kualitatif	7
1.2 Item-item yang terdapat dalam <i>Bem Sex-Role Inventory</i>	20
2.1 Literasi dalam skrip Jawi	52
4.1 Ciri-ciri feminin Seri Rama melalui reka bentuk gambalan	110
4.2 Ciri-ciri feminin Laksamana melalui reka bentuk gambalan	121
4.3 Ciri-ciri feminin Siti Dewi melalui reka bentuk gambalan	132
4.4 Komponen feminin sakral Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dalam reka bentuk gambalan	133
5.1 Ciri-ciri feminin Seri Rama melalui pergerakan gambalan	175
5.2 Ciri-ciri feminin Laksamana melalui pergerakan gambalan	200
5.3 Ciri-ciri feminin Siti Dewi melalui pergerakan gambalan	217
5.4 Komponen feminin sakral Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dalam pergerakan gambalan	219
6.1 Ciri-ciri feminin Seri Rama berdasarkan teks naratif	258
6.2 Ciri-ciri feminin Laksamana berdasarkan teks naratif	277
6.3 Ciri-ciri feminin Siti Dewi berdasarkan teks naratif	292
6.4 Komponen feminin sakral Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dalam teks naratif	295
6.5 Komponen feminin sakral Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dalam reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif	297
7.1 Komponen Feminin Sakral berdasarkan ciri-ciri feminin Seri Rama	301
7.2 Komponen Feminin Sakral berdasarkan ciri-ciri feminin Laksamana	307





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

7.3	Komponen Feminin Sakral berdasarkan ciri-ciri feminin Siti Dewi	312
-----	--	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Proses penyelidikan	10
1.2 Penggunaan teori dalam proses menganalisis data	16
1.3 Kaedah menganalisis data	17
1.4 Kerangka teori kajian	22
1.5 Proses Teori Skema Gender	25
2.1 Che Mohd Nasir bermain Wayang Kulit Kelantan	55
4.1 Proses reka bentuk watak	94
4.2 Bentuk asas yang digunakan untuk mereka bentuk gambalan Seri Rama	96
4.3 Bahagian atas gambalan Seri Rama	98
4.4 Bahagian tengah gambalan Seri Rama	103
4.5 Bahagian bawah gambalan Seri Rama	107
4.6 Bentuk asas yang digunakan untuk mereka bentuk gambalan Laksamana	112
4.7 Bahagian atas gambalan Laksamana	114
4.8 Bahagian tengah gambalan Laksamana	116
4.9 Bahagian bawah gambalan Laksamana	119
4.10 Bentuk asas yang digunakan untuk mereka bentuk gambalan Siti Dewi	123
4.11 Bahagian atas gambalan Siti Dewi	124
4.12 Bahagian tengah gambalan Siti Dewi	127
4.13 Bahagian bawah gambalan Siti Dewi	130





5.1	Pohon Beringin yang hanya mempunyai satu gerakan	136
5.2	Hanuman Kera Putih yang dikategorikan dalam gambalan dua gerakan	137
5.3	Pak Dogol dalam kategori empat gerakan	138
5.4	Prinsip memegang gambalan Seri Rama	139
5.5	Gambalan yang diletakkan pada kelir dalam keadaan sendeng	140
5.6	Susunan gambalan sebelum persembahan	143
5.7	Gambalan yang digantung ketika persembahan	144
5.8	Ciri penyayang Seri Rama melalui pergerakan gambalan	146
5.9	Seri Rama yang dilihat seperti kanak-kanak	149
5.10	Kirat yang menunjukkan ciri feminin Seri Rama	152
5.11	Pergerakan Seri Rama mencabut anak panah	153
5.12	Seri Rama memohon bantuan Laksamana untuk memanah pohon Tar	154
5.13	Ciri feminin Seri Rama ketika meminta bantuan Laksamana	156
5.14	Kelembutan Seri Rama berjalan	158
5.15	Gerakan Seri Rama mendaki gunung	160
5.16	Seri Rama terpedaya dengan tipu helah Mahraja Wana	162
5.17	Seri Rama menghormati Sirat Mahraja	163
5.18	Komunikasi Seri Rama bersama pembesar kerajaan Sertapura	165
5.19	Komunikasi Seri Rama bersama Maharisi	168
5.20	Seri Rama memahami adab menghormati orang yang lebih tua	170
5.21	Seri Rama memahami adab menghormati Maharisi	172
5.22	Seri Rama menunjukkan semangat, kasih sayang	173





dan kebaikan pada Sirat Mahraja

5.23	Kasih sayang Laksamana terhadap abangnya	177
5.24	Laksamana memulihkan Seri Rama	179
5.25	Laksamana mempunyai belas kasihan terhadap Siti Dewi	181
5.26	Laksamana menenangkan Seri Rama	183
5.27	Laksamana berjalan beriringan dengan Seri Rama	185
5.28	Pola gerakan berjalan watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi	186
5.29	Laksamana berjalan dengan lembut	187
5.30	Laksamana membina teniat baharu untuk berehat	189
5.31	Laksamana tunduk menghormati Seri Rama	190
5.32	Laksamana menunjukkan rasa simpati terhadap Seri Rama	192
5.33	Laksamana tunduk menghormati Sirat Mahraja sebagai tanda memahami adab	194
5.34	Laksamana tunduk menghormati Maharisi sebagai tanda memahami adab	196
5.35	Laksamana melakar bulatan mengelilingi Siti Dewi	198
5.36	Siti Dewi berjalan bersama Seri Rama	201
5.37	Siti Dewi inginkan perhatian Seri Rama	204
5.38	Siti Dewi terpandang kijang emas	206
5.39	Siti Dewi menjumpai kolam yang mempunyai dua jenis air	208
5.40	Siti Dewi bercakap dengan lemah lembut	210
5.41	Siti Dewi yang mudah bersimpati	212
5.42	Siti Dewi berjalan beriringan dengan Seri Rama	214
5.43	Siti Dewi ketika pertama kali bertemu Seri Rama	215





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
XX

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

A Senarai Informan

B Transkripsi Persembahan Hikayat Seri Rama

Muka surat

332

333



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pendahuluan

Persembahan Wayang Kulit merupakan salah satu persembahan kebudayaan yang menjadi tarikan di Malaysia. Terdapat empat jenis persembahan Wayang Kulit di Malaysia, iaitu Wayang Kulit Melayu, Wayang Kulit Gedek, Wayang Kulit Purwa dan Wayang Kulit Kelantan. Wayang Kulit Melayu dimainkan di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia suatu ketika dahulu dan kini hampir pupus. Wayang Kulit Gedek pula adalah permainan bayang yang dimainkan di negeri Kedah dengan menggunakan dialek percakapan harian di Kedah. Sementara itu, Wayang Kulit Purwa dipersembahkan dalam bahasa Melayu Indonesia di negeri Johor dan yang terakhir adalah Wayang Kulit Kelantan (selepas ini akan dirujuk sebagai WKK) merupakan persembahan Wayang Kulit di negeri Kelantan yang menggunakan dialek Kelantan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



sebagai bahasa penyampaian. Walau bagaimanapun, persembahan WKK tidak dapat dikenal pasti asal usulnya dengan lebih mendalam. Hal ini kerana, tiada sejarah bertulis yang menyatakan permulaan WKK wujud di Kelantan. Walau bagaimanapun, hanya cerita lisan menekankan bahawa WKK bermula dari individu yang dikenali sebagai Erok (Ghulam -Sarwar Yousof, 2006).

WKK merupakan salah satu daripada seni Melayu yang lahir di negeri Kelantan. Seni Melayu terbahagi kepada dua jenis, iaitu seni rupa yang dilihat melalui sudut visual dan seni persembahan (Rahmah Bujang & Nor Azlin Hamidon, 2008). Kedua-dua jenis seni Melayu ini terkandung dalam WKK, iaitu seni rupa diwakili oleh gambalan¹ yang merupakan objek yang dimainkan dalam WKK. Seni persembahan pula merujuk kepada permainan dalang dalam membuat persembahan dengan pergerakan gambalan pada kelir² diiringi oleh muzik. Kedua-dua jenis seni ini saling melengkapi untuk menghasilkan persembahan yang lancar dan dilengkapi dengan beberapa elemen penting persembahan WKK, antaranya gambalan, pendalangan dan pemuzik. Kajian ini menggunakan tiga boleh ubah, iaitu feminine sakral, watak halus dan WKK.

¹ Gambalan merujuk kepada boneka dalam Wayang Kulit Kelantan.

² Kelir merupakan skrin putih diperbuat daripada kain yang direntangkan untuk menghasilkan bayang gambalan





1.2 Pernyataan Masalah

Ciri-ciri feminin dapat dilihat pada watak-watak halus³ yang tidak hanya terhad kepada fizikal, malahan sifat watak tersebut. Hal ini menjurus kepada pembentukan watak dan perwatakan gambalan yang terdiri daripada watak-watak halus termasuk kedua-dua watak lelaki dan wanita.

Hasil daripada penelitian yang dibuat, didapati bahawa visual gambalan watak-watak halus turut menampilkan ciri-ciri feminin dan ciri-ciri ini mempengaruhi perwatakan dalam jalan cerita. Ciri-ciri feminin yang terdapat dalam visual gambalan ini disokong oleh Beth Osnes (2010) yang menyatakan bahawa watak-watak lelaki dalam WKK kelihatan feminin dengan ciri-ciri anggota badan yang kecil dan halus, bibir yang melengkung dan mata yang cantik serta kelihatan bijak. Ciri-ciri feminin yang digariskan oleh Osnes merupakan reka bentuk gambalan. Reka bentuk yang terhasil dengan ciri-ciri feminin adalah berdasarkan watak dan perwatakannya. Reka bentuk yang feminin menggambarkan identiti dan karakter sesuatu watak serta sifat peribadinya.

Permasalahan yang timbul adalah penampilan ciri-ciri feminin yang banyak dalam persembahan WKK yang perlu dirinci. Terdapat banyak ciri-ciri feminin wujud dalam keseluruhan persembahan WKK yang tidak hanya terhad kepada watak wanita, iaitu Siti Dewi malahan watak-watak lelaki seperti Seri Rama dan Laksamana turut memperlihatkan ciri-ciri feminin. Ciri-ciri feminin yang terpamer dalam persembahan

³ Watak halus merujuk kepada tanda keselarasan yang sempurna, berwatak halus yang tenang dan selaras dengan alam (Rina Yanti Harahap, 2014).





WKK meliputi reka bentuk gembalan, pergerakan gembalan dan teks naratif yang digunakan oleh dalang bagi menzahirkan watak tersebut.

1.3 Objektif Kajian

- I. Merungkai ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak-watak halus WKK melalui reka bentuk gembalan, pergerakan gembalan dan teks naratif.
- II. Menggariskan proses pembentukan ciri-ciri feminin dalam perwatakan watak-watak halus WKK.
- III. Mensintesiskan ciri-ciri feminin dalam watak-watak halus dan menegaskan bahawa ciri-ciri feminin dalam WKK merupakan suatu simbol status feminin sakral.



1.4 Persoalan Kajian

Terdapat tiga persoalan dalam kajian yang akan diuraikan, iaitu:-

- I. Apakah ciri-ciri feminin watak-watak halus WKK yang dilihat dari reka bentuk gembalan, pergerakan gembalan dan teks naratif?
- II. Bagaimanakah ciri-ciri feminin dalam perwatakan watak-watak halus WKK dibentuk?
- III. Bagaimanakah ciri-ciri feminin mempengaruhi status feminin sakral dalam watak-watak halus WKK?





1.5 Hipotesis

Aspek feminin dalam watak-watak halus Wayang Kulit Kelantan menyokong perhubungan sakral di antara entiti fizikal dan metafizik yang mengangkat simbol status watak.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini melihat simbol-simbol watak dan perwatakan dalam reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif bagi menggariskan sebahagian dari sifat kewanitaan, iaitu ciri-ciri feminin yang terdapat dalam diri watak-watak halus WKK.

Simbol-simbol tersebut berhasil daripada hubungan sakral dengan pencipta yang tidak dapat dilihat secara fizikal. Aspek metafizik digunakan bagi menterjemahkan simbol ciri-ciri feminin dan seterusnya mengangkat ciri-ciri tersebut sebagai lambang status. Huraian ini mampu untuk memberi penekanan kepada perkara-perkara penting, iaitu watak dan perwatakan yang belum dikenal pasti secara langsung dalam WKK. Selain itu, kajian ini akan turut membuka pandangan positif para sarjana terhadap teater tradisional WKK yang telah menggunakan konsep femininiti (kewanitaan). Maka kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap perkembangan ilmu bagi memartabatkan WKK.





1.7 Skop Kajian

- I. Persembahan Wayang Kulit Kelantan oleh pengamal Wayang Kulit Kelantan sahaja dinilai.
- II. Hanya tiga watak halus yang dilihat dalam kajian ini, iaitu Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi.
- III. Hanya reka bentuk gembalan, pergerakan gembalan di kelir dan teks naratif dikaji dalam Wayang Kulit Kelantan.
- IV. Cerita pokok dari epik Ramayana digunakan bagi mendapatkan ciri-ciri feminin dalam WKK.
- V. Hanya menggunakan Teori Skema Gender sebagai kerangka dengan mengaplikasikan Bem Sex-Role Inventory sebagai kayu ukur dalam kajian,



1.8 Metodologi

Setiap kajian perlu dijalankan secara sistematik mengikut kaedah-kaedah yang bersesuaian. Bab ini membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian. Kaedah-kaedah tersebut meliputi reka bentuk kajian, sampel, instrumen, prosedur pengumpulan data dan teknik menganalisis data.





1.8.1 Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan merupakan satu proses pengumpulan data yang dijalankan dengan menggunakan beberapa kaedah, iaitu sama ada kualitatif atau kuantitatif. Walau bagaimanapun, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan etnografi. Kaedah kualitatif adalah kajian yang dijalankan dengan memberi keterangan dan pemerhatian yang tidak melibatkan numerikal termasuk statistik. Kajian yang menggunakan kaedah ini kebanyakannya memberi keterangan, interpretasi atau pemaknaan dalam komunikasi. Pendekatan etnografi pula merujuk kepada pendekatan deskripsi tentang budaya spesifik yang dikaji secara mendalam (Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Terdapat sembilan elemen dalam kajian kualitatif seperti dalam Jadual 1.1.



Elemen Kajian Kualitatif

KAJIAN KUALITATIF	Memakai metode kualitatif
	Bersifat fenomenologi, iaitu fokus pada proses dan peristiwa secara interaktif
	Observasi secara semula jadi & bersifat bebas
	Sedikit kes dan subjek & Holistik
	Mementingkan realiti yang bersifat dinamik dari hasil pengkajian
	Berorientasi proses
	Dekat dengan data: perspektif orang dalam atau penyelidik terlibat sama
	Memakai logik induktif, iaitu proses berfikir dari hal yang umum menuju hal yang khusus
	Membina realiti dan makna budaya

Nota. Dari Neuman (2006) & Reichardt and Cook (1979)





Jadual 1.1 menunjukkan elemen kajian kualitatif, iaitu yang pertama menggunakan metode kualitatif atau turut dikenali sebagai kaedah kualitatif. Kaedah untuk menjalankan kajian perlu menepati landasan yang ditetapkan dalam kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan etnografi. Elemen kajian kualitatif yang kedua ialah memberi fokus kepada proses dan peristiwa secara interaktif. Dalam kajian kualitatif, proses penghasilan adalah lebih dititikberatkan selain hasil. Hal ini kerana, suatu hasil bergantung pada suatu proses. Kajian ini melihat proses pembinaan watak-watak halus WKK yang menjurus kepada ciri-ciri feminin yang dapat dilihat melalui reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif WKK. Setelah teks naratif diucap dan gambalan digerakkan oleh dalang pada kelir, maka bayang akan terhasil dengan sifat feminin pada kelir. Elemen ketiga adalah observasi secara semula jadi dan bersifat bebas. Dalam kajian ini, pemerhatian sering dijalankan dengan hanya melihat dan mentafsir tanpa mencampuri urusan pengamal untuk menjalankan persembahan. Walau bagaimanapun, cerita yang dimainkan telah ditetapkan untuk pengamal bagi mencapai objektif kajian. Seterusnya, elemen keempat kajian kualitatif ialah sedikit kes dan subjek serta holistik. Kajian ini hanya menumpu kepada satu kumpulan sahaja yang diketuai oleh Dalang Che Mohd Nasir yang telah dikenal pasti sebagai dalang yang mampu untuk memainkan cerita pokok epik Ramayana dalam persembahan WKK.

Elemen seterusnya adalah mementingkan realiti yang bersifat dinamik dari hasil pengkajian. Video direkodkan untuk memastikan informasi yang dianalisis adalah realiti yang bersifat dinamik. Elemen keenam ialah berorientasi proses yang mana dalam kajian kualitatif ini, proses dijadikan garis panduan dalam kajian. Seterusnya, kajian kualitatif memerlukan pengkaji berada dekat dengan data. Dalam kajian WKK





ini, pengkaji sering berada dekat dengan sumber informan. Selain itu, pengkaji yang merupakan seorang pengamal WKK generasi keempat seorang dalang pada tahun 1890 memudahkan dapatan informasi dan data. Elemen kelapan ialah memakai logik induktif. Kajian ini menerapkan proses berfikir dari perkara umum dan mendalam secara khusus. Elemen terakhir yang perlu diterapkan dalam kajian kualitatif adalah membina realiti dan makna budaya. Kajian ini memberi makna terhadap kebudayaan yang mempunyai falsafah yang mendalam dan membentuk peribadi mulia.

Berdasarkan jadual 1.1, kajian ini memberi fokus kepada persembahan WKK dan bertumpu kepada kajian kes yang sedikit, iaitu menumpu kepada kumpulan Wayang Kulit Kelantan yang diketuai oleh dalang Che Mohd Nasir Yusoff. Walaupun kajian kes adalah terhad, kajian ini dijalankan berdasarkan pemerhatian dan libat sama dalam persembahan bagi mendapatkan dapatan kajian yang diselidik dengan mendalam. Pemerhatian dan libat sama dalam aktiviti pengamal merupakan proses observasi secara semula jadi dan bersifat bebas atau turut dikenali sebagai proses mendapatkan data secara tidak formal.


Reka bentuk kajian etnografi merupakan kaedah interpretasi data sosio budaya yang mengkaji satu kelompok budaya atau masyarakat dalam situasi sebenar. Kaedah ini digunakan dalam satu tempoh masa yang panjang dengan tujuan untuk mengetahui kepercayaan, nilai dan perspektif masyarakat setempat (Othman Lebar, 2014). Fakta ini disokong oleh N. H. Sharlene and L. L. Patricia (2007) yang menyatakan bahawa etnografi merupakan salah satu bentuk penyelidikan yang mempersoalkan tentang amalan sosial dan budaya suatu kelompok masyarakat. Dalam konteks ini, penyelidikan





berbentuk etnografi akan meneliti konteks sosial kehidupan dari perspektif pengalaman hidup dan aktiviti harian sampel kajian untuk memahami gaya hidup sampel tersebut.

Untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai, proses kajian dirangka seperti yang terdapat dalam rajah 1.1. Terdapat tiga objektif kajian yang perlu dicapai, iaitu 1) merungkai ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak-watak halus WKK melalui reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif 2) menggariskan proses pembentukan ciri-ciri feminin dalam perwatakan watak-watak halus WKK dan 3) mensintesiskan ciri-ciri feminin dalam watak-watak halus dan menegaskan bahawa ciri-ciri feminin dalam WKK merupakan suatu simbol status feminin sakral.



Rajah 1.1. Proses penyelidikan.





Rajah 1.1 menunjukkan carta aliran proses penyelidikan yang dijalankan. Kajian dimulakan dengan pembacaan dari sumber sekunder, iaitu penulisan ilmiah termasuk buku, jurnal, majalah dan sebagainya. Pembacaan diutamakan kepada Epik Ramayana, ciri feminin dan kosmologi yang merupakan asas kepada kajian ini. Walau bagaimanapun, tinjauan literatur akan sentiasa digunakan meliputi pelbagai aspek seperti analisis teks, ciri-ciri feminin dan sakral sehingga kajian ini bertemu pengakhiran. Pembacaan ini sangat diperlukan bagi melicinkan perjalanan kajian ini dari awal hingga akhir.

Setelah tinjauan literatur dibuat, temu bual dijalankan bersama dalang-dalang di Kelantan dan pengkaji WKK di Malaysia. Temu bual bersama dalang sampel kajian akan dijalankan sebanyak dua kali bagi bersama Che Mohd Nasir sebelum dan selepas persembahan. Selain sampel kajian, pengamal-pengamal lain turut ditemu bual bagi mendapatkan informasi tambahan. Seterusnya, data yang diperoleh menerusi temu bual dan persembahan diterjemahkan dalam bentuk bertulis untuk memudahkan proses menganalisis data dan informasi. Informasi yang telah dianalisis ini diinterpretasikan ke dalam penulisan ilmiah berbentuk tesis.





1.8.2 Sampel

Kajian ini mengambil Che Mohd Nasir, salah seorang dalang yang pernah ditauliahkan⁴ sebagai sampel utama. Beliau merupakan tenaga pengajar WKK di salah sebuah Institusi Pengajian Tinggi, iaitu Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Che Mohd Nasir diambil sebagai sampel kajian berdasarkan cadangan oleh pengkaji dan pengamal WKK yang telah ditemu bual. Menurut para pengkaji dan pengamal, Che Mohd Nasir merupakan antara individu yang mampu memainkan cerita pokok epik Ramayana dengan baik dari permulaan cerita sehingga tamat. Hal ini kerana, dalang-dalang di Kelantan kini tidak lagi memainkan cerita pokok epik Ramayana disebabkan beberapa kekangan. Walau bagaimanapun, temu bual ke pengamal-pengamal WKK lain turut dijalankan untuk mendapatkan titik persamaan



1.8.3 Prosedur Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan di beberapa tempat bergantung kepada informan, iaitu sekitar Kelantan, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kebanyakan para pengamal WKK berada di Kelantan dan para pengkaji berada di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Kajian etnografi ini menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data, iaitu a) libat sama b) temu bual dengan mendalam dan c) rakaman. Libat sama merupakan kaedah utama yang digunakan dalam kajian melalui kehidupan yang dijalani bersama pengamal WKK. Aktiviti harian dijalankan bersama pengamal WKK

⁴ Ditauliahkan merujuk kepada dalang yang telah tamat mempelajari WKK dengan melalui proses Perlimau oleh guru masing-masing. Proses perlimau merupakan satu upacara ritual yang dijalankan oleh seorang guru ke atas muridnya yang telah menamatkan pembelajarnya dan layak untuk membawa gelaran tok dalang.





bagi mengetahui latar belakang pengamal dan cara hidup pengamal WKK. Selain itu, kaedah ini merupakan satu-satunya cara bagi mendekatkan diri dengan pengamal supaya informasi dapat diperoleh dengan lebih mudah sama ada secara langsung atau tidak langsung. Prosedur pengumpulan data dalam kajian dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu peringkat pertama kedua dan ketiga.

1.8.3.1 Peringkat Pertama

Peringkat pertama merupakan permulaan kajian yang memerlukan kajian perpustakaan melalui sumber sekunder, iaitu bahan bacaan seperti artikel jurnal, buku, tesis dan prosiding. Selain penelitian kajian-kajian lepas, menghadiri seminar-seminar yang berkaitan dengan ~~p~~ tajuk ~~m~~ kajian merupakan salah satu sumber ~~untuk~~ mendapatkan ~~b~~ ~~tbupsi~~ informasi melalui perbincangan dan pandangan pakar-pakar dalam bidang teater tradisional.

1.8.3.2 Peringkat Kedua

Peringkat kedua merupakan peringkat yang memerlukan penyelidik berada di lapangan bersama informan, iaitu Che Mohd Nasir untuk menjalani aktiviti melibatkan WKK. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah proses pembuatan gambalan WKK, pembelajaran muzik WKK dan menjalani latihan untuk persembahan. Di samping mengikuti aktiviti yang dijalankan, informasi-informasi dapat diperoleh sama ada melalui temu bual tidak berstruktur dan aktiviti-aktiviti yang dilalui bersama pengamal.





Pada ketika ini, foto watak-watak Wayang Kulit Kelantan yang terlibat diambil untuk rujukan dari sudut reka bentuk gambalan.

Setelah menjalani kehidupan sehari-hari bersama pengamal dan diberi kepercayaan, rakaman video dibuat untuk persembahan epik Ramayana. Rakaman video ini bertujuan untuk mendokumentasikan dialog dalang dalam bentuk skrip selain merekod pergerakan gambalan. Rakaman ini dibuat menggunakan kamera video di bahagian hadapan yang statik manakala belakang kelir hanya direkodkan pada waktu-waktu tertentu. Hal ini adalah untuk melihat pergerakan gambalan yang dihasilkan oleh dalang dalam persembahan.

Seterusnya, hasil dari video rakaman tersebut, pergerakan gambalan dalam persembahan dinilai bagi mendapatkan konsep pergerakan yang mempunyai sentuhan ciri-ciri feminin. Pergerakan ini dilihat pada pergerakan tangan dan gaya berjalan. Seterusnya, simbol status dapat diperjelaskan dengan penemuan elemen-elemen feminin dalam watak-watak halus WKK.

Menggunakan video yang telah diambil, transkripsi akan dijalankan bagi penulisan dialog yang dilontarkan oleh dalang ketika persembahan. Transkripsi ini perlu dibuat dengan teliti kerana kekurangan dokumen bertulis tentang skrip Epik Ramayana dan analisis dibuat menggunakan transkripsi tersebut bagi mendapatkan pembuktian ciri-ciri feminin dari sudut teks naratif. Bertitik tolak daripada itu, perbandingan dapat dibuat antara skrip tersebut dengan epik Ramayana yang disampaikan secara lisan oleh dalang-dalang terdahulu. Setelah transkripsi dibuat, temu bual semi berstruktur dijalankan bersama Che Mohd Nasir bagi memahami WKK





dengan lebih jelas. Proses pada peringkat kedua ini mengambil masa selama satu tahun yang memerlukan penyelidik sentiasa berada di bersama informan.

1.8.3.3 Peringkat Ketiga

Setelah informasi diperoleh hasil daripada peringkat pertama dan kedua, data tersebut digunakan sebagai asas untuk mengajukan persoalan kepada para pengkaji. Selain pengamal, pengkaji WKK turut ditemu bual bagi mendalami WKK dalam konteks akademik.

Temu bual dibahagikan kepada tiga jenis bergantung pada fenomena. Jenis-jenis temu buat adalah a) berstruktur b) semi berstruktur dan c) tidak berstruktur. Pada peringkat ini, temu bual yang dijalankan adalah secara semi berstruktur bagi membolehkan fakta diinterpretasikan dengan tepat. Sesi temu buat secara semi berstruktur perlu mencapai objektif yang ditetapkan seperti berikut (S.L Schensul, J.J Schensul, & M.D LeCompte, 1999): a) Menjelaskan tentang faktor-faktor dalam kajian dengan lebih mendalam b) Mengaplikasikan faktor-faktor tersebut kepada pemboleh ubah c) Membina hipotesis dan d) Membina asas kualitatif untuk pembentukan kajian tinjauan etnografi.


Oleh yang demikian, temu bual yang dijalankan dapat memperoleh ciri-ciri feminin, perkaitan antara ciri-ciri feminin dan feminin sakral serta menjurus kepada hipotesis kajian, iaitu aspek feminin dalam Wayang Kulit Kelantan menyokong



perhubungan sakral di antara entiti fizikal dan metafizik yang mengangkat simbol status watak.


1.8.4 Teknik Menganalisis Data

Setiap kajian memerlukan teknik untuk menganalisis data mengikut kesesuaian dan keperluan. Kajian ini menggunakan Teori Skema Gender yang diketengahkan oleh Sandra Lipsitz Bem (1981). Oleh yang demikian, kajian ini menggunakan proses pembentukan sebagai teknik menganalisis yang utama bagi mendapatkan ciri-ciri feminin watak WKK. Rajah 1.2, menunjukkan teknik yang digunakan bagi menganalisis data kajian.



Rajah 1.2. Penggunaan teori dalam proses menganalisis data

Rajah 1.2 menunjukkan penggunaan teori dalam proses menganalisis data. Pada peringkat permulaan, kajian menggunakan teori skema gender bagi mengenal pasti ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak WKK seperti yang telah diperjelaskan dalam sub topik di atas. Setelah ciri-ciri feminin dalam watak WKK diperoleh, konsep kosmologi digunakan bagi menghuraikan hubungan sifat feminin watak WKK dengan sakral. Setelah ciri-ciri feminin dapat di rungkai dalam WKK dan hubungannya dengan sakral dapat dikenal pasti, maka prinsip-prinsip dalam feminin sakral dapat diperoleh.



Rajah 1.3. Kaedah menganalisis data

Rajah 1.3 merupakan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini untuk menganalisis data. Terdapat dua kategori watak dalam persembahan WKK, iaitu watak halus dan watak kasar. Teknik menganalisis data bermula dengan mencerakinkan



watak-watak WKK kepada watak halus dan watak kasar. Hanya watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi diambil sebagai subjek kajian yang merupakan tiga daripada watak-watak halus. Watak-watak halus ini mempunyai ciri-ciri feminin dan ciri-ciri tersebut diungkap melalui teori skema gender untuk mendapatkan simbol-simbol berdasarkan *Bem Sex-Role Inventory* (BSRI).

BSRI dibina oleh Sandra Lipsitz Bem pada tahun 1974 dan digunakan sebagai instrumen bagi mendapatkan simbol ciri-ciri feminin yang terdapat dalam persembahan WKK. Simbol-simbol ini dikesan melalui tiga sudut, iaitu reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif. Teks naratif merupakan penceritaan yang digunakan dalam persembahan WKK dan teks ini dinilai melalui dua cabang, iaitu Epik Ramayana dan dialog yang digunakan oleh dalang ketika persembahan.



Ciri-ciri feminin watak WKK dapat dikenal pasti melalui simbol yang dirungkai melalui ketiga-tiga sudut. Setelah ciri-ciri ini diperhalusi, status golongan yang mempunyai ciri-ciri feminin dapat diperlihatkan. Status merupakan tahap kedudukan watak-watak yang mempunyai ciri-ciri feminin seperti yang terdapat dalam konsep kosmologi. Konsep kosmologi meletakkan ciri-ciri feminin menghampiri sakral.





1.8.5 Instrumen Kajian

Ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak dan perwatakan Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dikenal pasti dengan menggunakan instrumen kajian seperti yang terdapat dalam teori skema gender, iaitu *Bem Sex-Role Inventory* (BSRI).

Bem Sex-Role Inventory (BSRI)

BSRI merupakan alat yang digunakan untuk mengukur persepsi-persepsi peranan jantina. Alat ini digunakan secara meluas dalam bidang psikologi dan lain-lain bidang bagi mengukur ciri-ciri feminin, maskulin dan androgini secara berasingan. Inventori ini menilai tahap gambaran diri seseorang itu dari sudut positif ekspresif dalam sosial.

Soal selidik ini terdiri daripada 60 ciri-ciri personaliti atau sifat yang meliputi 20 ciri-

ciri maskulin, 20 ciri-ciri feminin dan 20 daripada soalan tersebut terkecuali daripada

kedua-dua ciri tersebut (Antonia Calvo-Salguero, José Miguel Ángel García-Martínez,

& Adelaida Monteoliva, 2008). Contoh ciri-ciri maskulin yang terdapat dalam soal

selidik ini ialah bebas, dominan dan bercita-cita tinggi manakala ciri-ciri feminin pula

seperti menurut, penyayang dan sensitif. 20 soalan yang terkecuali dari ciri-ciri feminin

dan maskulin pula terdiri daripada sifat seperti berguna, muram dan gembira. Jadual

1.2 menunjukkan item-item yang terdapat dalam soal selidik BSRI.





Jadual 1.2

Item-item yang terdapat dalam Bem Sex-Role Inventory

Masculine items	Feminine items	Neutral items
49. Acts as a leader	11. Affectionate	51. Adaptable
46. Aggressive	5. Cheerful	36. Conceited
58. Ambitious	50. Childlike	9. Conscientious
22. Analytical	32. Compassionate	60. Conventional
13. Assertive	53. Does not use harsh language	45. Friendly
10. Athletic	35. Eager to soothe hurt feelings	15. Happy
55. Competitive	20. Feminine	3. Helpful
4. Defends own beliefs	14. Flatterable	48. Inefficient
37. Dominant	59. Gentle	24. Jealous
19. Forceful	47. Gullible	39. Likable
25. Has leadership abilities	56. Loves Children	6. Moody
7. Independent	17. Loyal	21. Reliable
52. Individualistic	26. Sensitive to the needs of others	30. Secretive
31. Makes decisions easily	8. Shy	33. Sincere
40. Masculine	38. Soft spoken	42. Solemn
1. Self-reliant	23. Sympathetic	57. Tactful
34. Self-sufficient	44. Tender	12. Theatrical
16. Strong personality	29. Understanding	27. Truthful
43. Willing to take a stand	41. Warm	18. unpredictable
28. Willing to take risks	2. Yielding	54. Unsystematic



Nota. Dari Sandra L. Bem (1974)

Jadual 1.2 menunjukkan sifat-sifat yang telah diklasifikasikan mengikut peranan maskulin, feminin dan neutral. Kajian ini hanya akan menggunakan item-item feminin sebagai alat ukur untuk meletakkan sifat-sifat dalam watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dalam golongan feminin. Walaupun BSRI ini merupakan satu kaedah kuantitatif dengan penggunaan soal selidik, kajian ini tidak menerapkan penggunaan kaedah tersebut tetapi hanya menggunakan inventori ini sebagai garis panduan utama ciri-ciri feminin.





1.9 Kerangka Teori

Wayang Kulit Kelantan yang dipersembahkan sebagai hiburan turut digunakan sebagai medium perantaraan untuk menyampaikan sesuatu pesanan atau nasihat. Secara tidak langsung, WKK merupakan medium komunikasi yang penuh dengan simbol dan pemaknaan di sebalik setiap persembahan. Simbol-simbol ini yang berinteraksi dalam dua dimensi berbeza, iaitu a) antara pengamal dan gambalan dan b) antara gambalan dan penonton. Kedua-dua dimensi ini dibatasi oleh kelir di mana mempunyai perbezaan dari aspek spiritual, fizikal, mental. Kajian ini hanya memberi penekanan terhadap interaksi yang berlaku di belakang kelir antara pengamal dan gambalan.

Kajian ini menggunakan teori skema gender sebagai kerangka untuk membaca

nilai-nilai yang terdapat dalam reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif. Berdasarkan Teori Skema Gender, Bem telah menggariskan 20 skema feminin yang berkemungkinan terdapat dalam diri manusia. Kajian ini melihat keseluruhan ciri-ciri feminin dalam skema tersebut untuk dijadikan panduan dalam meneliti pergerakan gambalan Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dan teks naratif. Setiap manusia melalui satu proses bagi meletakkan suatu sifat itu sebagai skema feminin seperti yang diketengahkan oleh Bem. Kajian ini menggunakan proses Teori Skema Gender sebagai ukuran untuk menggariskan ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak yang dipilih. Proses ini mempunyai lima tahap dan akan dihuraikan dalam bab yang seterusnya.


Gambalan diukir dan digerakkan berdasarkan latar belakang dan sejarah sesuatu watak dan ini menyebabkan sifat feminin menjadi identiti beberapa watak dalam WKK. Untuk mengenal pasti ciri-ciri feminin yang terdapat dalam watak WKK, kajian ini



melihat perwatakan bagi ketiga-tiga watak pada peringkat pertama. Analisis kemudian dibuat ke atas pergerakan gambalan setelah analisis perwatakan dibuat. Hal ini kerana, gambalan terhasil setelah pereka gambalan memahami dengan jelas tentang perwatakan dan sejarah watak-watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi.

Perwatakan setiap watak dapat dikenal pasti melalui simbol-simbol yang dilihat berdasarkan instrumen kajian, iaitu *Bem Sex-Role Inventory* (BSRI). Setelah bacaan simbol dan analisis dibuat menggunakan teori skema gender, konsep kosmologi digunakan untuk mengangkat ciri-ciri feminin WKK sebagai status tinggi. Rajah 1.4 menunjukkan kerangka teori kajian ini.

Rajah 1.4 menunjukkan kerangka teori kajian di mana reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dinilai. Penilaian ini dibuat berdasarkan ciri-ciri feminin yang disenaraikan dalam BSRI.



Rajah 1.4. Kerangka teori kajian



Ciri-ciri ini hadir dalam diri setiap watak setelah melalui lima proses seperti yang terdapat dalam teori skema gender yang diguna pakai dalam kajian ini. Kesemua ciri ini dilihat dalam reka bentuk gambalan, pergerakan gambalan dan teks naratif. Seterusnya, dengan menggunakan konsep kosmologi, feminine sakral terhasil berdasarkan perkaitan ciri-ciri feminine yang menghampiri kudus.

Feminine merupakan salah satu pemboleh ubah yang diguna pakai dalam kajian ini. Feminine merujuk kepada identiti yang berkaitan dengan wanita atau sifat kewanitaan (Hajah Noresah bt. Baharom, 2005). Sifat-sifat kewanitaan ini meliputi lemah lembut, penyayang dan sebagainya.

Ciri-ciri feminine merupakan ciri-ciri kewanitaan yang wujud dalam diri manusia sama ada lelaki atau wanita. Kedua-dua ciptaan ini mempunyai ciri-ciri feminine dan peratusan ciri-ciri feminine yang tinggi seseorang individu berbanding ciri-ciri maskulin adalah bergantung pada pengaruh persekitaran dan masyarakat sekeliling. Konsep feminine sering dikelirukan dengan konsep *female*. Para feminis memberikan maksud sosialisasi kepada konsep ‘feminisme’ dan konsep *female* merujuk kepada jantina perempuan. Feminine merujuk kepada sesuatu yang dipelajari, justeru itu sosialisasi dari masyarakat dan kebudayaan (Mana Sikana, 2008).

Penjelasan oleh Mana Sikana tersebut menunjukkan feminine merupakan suatu sifat yang perlu dipelajari oleh masyarakat. Oleh itu, sifat ini tidak hanya terhad kepada individu yang dilahirkan sebagai wanita dan sifat feminine ini boleh dibentuk. Pembentukan sifat-sifat feminine ini bergantung pada aspek sosial seseorang individu.





Kajian tentang femininiti atau sifat kewanitaan dilihat dengan lebih mendalam menggunakan teori gender

1.9.1 Teori Skema Gender

Kajian ini menggunakan teori skema gender yang diperkenalkan oleh Sandra Lipsitz Bem sebagai garis panduan dalam proses menganalisis data. Skema merupakan struktur kognitif, jaringan masyarakat sekeliling yang meletakkan garis panduan ke atas persepsi individu (Sandra L. Bem, 1981). Skema adalah representasi mental pelbagai sifat, ciri-ciri dan perlakuan yang berkaitan dengan wanita dan lelaki dalam satu budaya tertentu (Stephen W. Littlejohn & Karen A. Foss, 2009). Maka skema terhasil setelah berlakunya interaksi dalam diri seseorang individu dari sudut psikologi sebelum diterjemahkan dalam bentuk perlakuan atau sikap. Hal ini berlaku dalam pembentukan identiti watak-watak halus WKK. Teori skema gender pula merupakan fenomena yang berpunca daripada *sex-typing*⁵, sebahagiannya berasaskan kepada jantina, dari kesediaan umum untuk memproses informasi asas berkaitan jantina yang membentuk skema gender (Sandra L. Bem, 1981). Selain itu, Stephen W. Littlejohn and Karen A. Foss (2009) turut menyatakan bahawa teori skema gender merupakan persepsi individu yang dilihat berdasarkan interaksi informasi yang hadir dan tanda-tanda tanggapan dengan melihat skema individu yang sedia ada.

⁵ *Sex-typing* merujuk kepada kategori stereotaip individu sama ada rupa atau tingkah laku menurut persepsi konvensional tipikal setiap jantina .



Oleh itu, teori skema gender ini diringkaskan sebagai teori proses yang melihat tanda yang terhasil dari proses interaksi dan merujuk skema feminin dan maskulin yang sedia ada. Lima proses menjadi tunjang dalam teori ini seperti dalam rajah 1.5, iaitu pertama kanak-kanak membuat pemerhatian perkara yang dilihat dan mengaitkan dengan jantina lelaki dan wanita. Observasi ini tidak hanya terhad kepada sudut biologi manusia sahaja, malah fungsi jantina, pembahagian tugas mengikut jantina dan sifat peribadi. Seterusnya, pada peringkat kedua kanak-kanak menggunakan jaringan untuk memproses informasi baharu dan tanda yang diterima akal akan terhasil melalui pemprosesan informasi tersebut. Melalui tanda yang terhasil, kanak-kanak membina satu konsep kefahaman diri.



Rajah 1.5. Proses Teori Skema Gender (Stephen W. Littlejohn & Karen A. Foss, 2009)

Pada peringkat ketiga, kefahaman diri yang telah dibina oleh kanak-kanak tersebut akan dipantau dengan mengaplikasikan skema gender yang telah diterapkan oleh masyarakat sekeliling secara amnya. Setelah pemantauan dibuat, akhirnya penilaian dibuat oleh kanak-kanak tersebut dengan menyamakan pemahaman diri dengan skema yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Pada peringkat keempat, setelah skema gender ditetapkan, ‘struktur ramalan’ yang berfungsi sebagai satu trengkas dihasilkan. Struktur ramalan ini membahagikan makna gender sama ada kepada diri atau orang lain dan struktur ini digunakan apabila relevan atau terdapat tanda yang mengaktifkan skema gender. Seterusnya, pada peringkat akhir, skema gender dijadikan



panduan untuk meletakkan sesuatu perkara itu adalah biasa atau luar biasa, betul atau salah dan sama ada bernilai atau tidak bernilai (Stephen W. Littlejohn & Karen A. Foss, 2009).

Oleh yang demikian, skema gender merupakan persepsi seseorang tentang perlakuan yang sesuai dengan jantinanya dan seperti yang telah dilabelkan oleh masyarakat setempat. Selain itu, didapati bahawa jantina tidak mempunyai hubungan rapat dengan peranan gender dan ini telah diberi penekanan oleh Bem bahawa sifat maskulin dalam diri lelaki dan sifat feminin dalam diri wanita boleh berubah dan tidak akan kekal dalam diri seseorang individu (Natalia Regina Devi Setyaningsih, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa budaya, persekitaran dan masyarakat setempat mampu untuk mengubah sifat feminin dan maskulin yang wujud dalam diri individu.



Kajian ini menggunakan lima peringkat proses tersebut sebagai garis panduan dengan mengaplikasikan kesemua cadangan oleh Bem dan diubahsuai mengikut keperluan kajian feminin sakral: simbol status watak dalam Wayang Kulit Kelantan. Pada peringkat pertama, pemerhatian ke atas sifat feminin dibuat oleh watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi seperti yang diceritakan dalam Hikayat Seri Rama. Pemerhatian ini dibuat ke atas masyarakat sekeliling yang hampir dengan watak, iaitu keluarga. Seri Rama dan Laksamana yang merupakan watak berketurunan raja dibesarkan dalam golongan bangsawan sudah semestinya diterapkan dengan nilai-nilai murni oleh keluarga dari kecil dan pemerhatian dibuat sejak mereka kecil. Selain itu, peranan bapa sebagai pemerintah memperlihatkan Seri Rama dan Laksamana dengan sifat-sifat maskulin dan sifat feminin hadir ketika bapa mereka, Sirat Mahraja berada di luar waktu pemerintahan ketika bersama keluarga.





Pemerhatian sifat feminin dilihat dalam diri Siti Dewi sebelum mengahwini Seri Rama adalah ketika beliau dibesarkan oleh Maharisi. Oleh yang demikian, Siti Dewi dipengaruhi oleh sifat-sifat Maharisi walaupun berlainan jantina. Kelembutan yang hadir dalam diri Maharisi banyak mengajar anak angkatnya, Siti Dewi tentang sifat-sifat feminin. Perubahan observasi tentang sifat-sifat feminin berlaku setelah Siti Dewi dan Seri Rama mengikat tali pernikahan dan hidup bersama di istana.

Setelah pemerhatian dibuat, ketiga-tiga watak menggunakan item pemerhatian tersebut untuk memproses informasi baharu dan tanda-tanda yang dilihat berdasarkan perlakuan sekeliling menggarap kefahaman watak-watak tersebut. Contohnya Seri Rama yang melihat bapanya melayan pembesar-pembesar dengan baik dan lemah lebut akan memberi impak positif ke atas arahan yang diberi. Layanan baik merupakan tanda dan impak positif merupakan kefahaman dalam diri Seri Rama. Haltbupsi yang sama turut berlaku dalam diri Laksamana dan Siti Dewi mengikut persekitaran dan budaya masing-masing.

Pada peringkat ketiga, kefahaman diri yang telah dibina oleh watak dipantau dengan mengaplikasikan skema gender yang telah diterapkan oleh masyarakat sekeliling, iaitu golongan bangsawan oleh Seri Rama dan Laksamana manakala golongan dihormati oleh Siti Dewi. Dalam contoh di atas, layanan baik oleh bapa Seri Rama dan Laksamana terhadap pembesar-pembesar istana merupakan sifat feminin seperti yang telah diutarakan oleh Bem. Maka layanan baik tersebut adalah skema feminin dalam *sex-typing*.





Seterusnya, peringkat keempat merupakan pembinaan struktur ramalan yang membahagikan makna gender kepada diri atau orang lain. Setelah perlakuan bapa yang dilihat oleh Seri Rama dan skema feminin dikenal pasti, maka struktur ramalan dibina. Sifat feminin tersebut telah mengaktifkan skema gender dan sifat feminin itu memberi makna kepada diri dan orang lain. Terdapat perbezaan pemaknaan gender ke atas diri dan orang lain, iaitu kepada diri, perlakuan itu untuk menghormati pembesar-pembesar walaupun mereka merupakan orang bawahan. Pemaknaan ke atas orang lain pula adalah penerimaan dari pembesar-pembesar adalah positif dan arahan dapat dijalankan dengan baik setelah dilayan dengan baik.

Seterusnya, pada peringkat akhir, skema gender dijadikan panduan perlakuan yang dilihat oleh Seri Rama dan Laksamana. Perbuatan tersebut dinilai oleh Seri Rama dan Laksamana sama ada betul atau tidak dan mempunyai nilai atau tidak. Dalam contoh ini, perbuatan yang mempunyai sifat feminin tersebut dikenal pasti mempunyai nilai yang tinggi dengan tidak meletakkan kuasa sebagai ukuran hubungan sesama manusia.

1.9.2 Konsep Kosmologi

Kosmologi merupakan istilah Yunani dengan gabungan ‘kosmos’ dan ‘logos’. ‘Kosmos’ memberi makna alam semesta yang teratur manakala ‘logos’ bermaksud penyelidikan tentang atau atas rasional (Salina Sahri & Nang Naemah Nik Dahalan, 2013). Kosmologi merupakan satu konsep yang berkait rapat dengan falsafah serta sains dan istilah ini merupakan cabang metafizik (Mohd Anis Md Nor, 2001). Selain





itu, kosmologi mengetengahkan pemahaman tentang alam semesta atau kosmos melalui empat persoalan, iaitu 1) asal usul kosmos 2) anatomi, struktur atau perlombagaan kosmos 3) asas kewujudan dan sistem perjalanan kosmos dan 4) matlamat dan kesudahan kosmos (Osman Bakar, 2001). Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melihat kosmologi dari sudut falsafah.

Istilah kosmologi ini dihuraikan melalui kosmologi tradisi sebagai hakikat kejadian alam. Ilmu kejadian alam ini memberi perhatian kepada persoalan asal usul kewujudan alam semesta, elemen-elemen kewujudan alam dan hubungan elemen-elemen tersebut dengan subjek lain (Salina Sahri & Nang Naemah Nik Dahalan, 2013). Kosmologi dan ilmu alam semesta berkait rapat dengan kepercayaan dan agama yang dianuti individu. Kepercayaan dalam agama di dunia ini membahagikan alam sekitar kepada dua, iaitu sakral dan profan. Alam sakral dikenali oleh ahli naturalis manakala alam profan digunakan oleh ahli transdentalis. Kumpulan pertama, iaitu ahli naturalis terdiri daripada agama Taoisme, Mahayana Buddhisme, Hinduisme dan agama kuno. Ahli transdentalis pula terdiri daripada individu yang menganut agama Trevada Buddhisme, Judaisme, Kristianiti dan Islam.

Epik Ramayana yang berasal dari India dan dibawa ke Kelantan menyebabkan kedua-dua alam ini dibandingkan pada peringkat permulaan. Menurut kepercayaan Hindu, alam merupakan Tuhan atau Hakikat sebenar atau Yang Mutlak dan hubungan ini sering dihuraikan dalam bentuk mitos. Agama naturalistik ini beranggapan bahawa alam sebagai keramat, iaitu misteri dan menakutkan (Salina Sahri & Nang Naemah Nik Dahalan, 2013).





Menurut agama transdentalis pula, sifat-sifat alam membawa kepada kecenderungan untuk mendewakan, menghormati dan mencintai alam. Secara spesifiknya, Islam percaya bahawa setiap kejadian berlaku atas sebab tertentu untuk menyempurnakan perkara tertentu seperti yang telah dikehendaki oleh Pencipta (Salina Sahri & Nang Naemah Nik Dahalan, 2013). Berdasarkan pemahaman ini, kajian ini melihat konsep kosmologi secara umum dan tidak hanya spesifik kepada agama tertentu. Hal ini kerana, semua agama mengajar individu ke arah kebaikan dan positif.

Kehidupan di dunia ini dibahagikan kepada objek fizik dan metafizik merangkumi keseluruhan kosmos yang terdiri daripada beberapa dimensi. Berdasarkan kepercayaan orang Melayu, prinsip dunia dibahagikan kepada tiga, iaitu dunia atas, dunia bawah dan dunia tengah (Mohd Anis Md Nor, 2001). Ketiga-tiga prinsip dunia ini merupakan ruang yang mampu berhubung secara metafizik dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Walau bagaimanapun, hubungan tersebut dapat dirasai melalui kesan daripada hubungan tersebut. Kajian ini hanya melihat hubungan dunia tengah dengan dunia atas yang menjurus kepada sakral.

Dunia tengah dan dunia atas saling berhubung dan berkomunikasi secara metafizik bagi melahirkan rasa sakral. Sakral merupakan hal yang lebih dirasakan daripada yang dilukiskan (Nurdinah Muhammad, 2013). Hal ini menunjukkan bahawa sakral tidak dapat dilihat dari sudut fizik dan hanya hadir dalam bentuk metafizik yang wujud kerana pemikiran yang dibawa oleh perasaan. Perasaan yang sakral akan melahirkan pengabdian jiwa dan menghubungkan diri kepada pencipta, iaitu tuhan.





Kajian ini membincangkan falsafah kosmologi tentang nilai jiwa yang hadir dalam watak-watak berdasarkan sifat-sifat feminin yang terdapat dalam diri Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi yang merupakan golongan bangsawan. Sifat diri yang mempengaruhi perasaan positif itu membawa kepada gelombang kesucian untuk berhubung dengan tuhan. Berdasarkan teori skema gender dan konsep kosmologi, data kajian dianalisis dengan terperinci.

1.10 Istilah Konseptual

1.10.1 Gambalan

Gambalan adalah istilah yang digunakan oleh para pengamal WKK yang merujuk kepada boneka atau patung yang digunakan dalam persesembahan (Fara Dayana Mohd Jufry, 2014). Gambalan merupakan unsur penting dalam persesembahan WKK yang diukir di atas material yang lazimnya kulit haiwan, iaitu kambing atau lembu dan turut dikenali sebagai belulang. Bentuk dan rupa setiap watak diukir mengikut identiti dan perwatakan watak tersebut. Gambalan dimanipulasikan oleh dalang di belakang skrin putih yang dinamakan kelir dengan irungan muzik. Gambalan yang dimainkan di belakang kelir akan menghasilkan bayang apabila dipancarkan cahaya daripada mentol lampu yang digantung di bahagian tengah kelir. Gambalan merupakan satu seni rupa yang mempunyai elemen-elemen dan prinsip reka bentuk yang telah ditetapkan oleh Epik Ramayana⁶. Penetapan ini berkait rapat dengan Epik Ramayana yang telah meletakkan satu panduan dalam penentuan reka bentuk sebagai simbol watak dan perwatakan WKK. Terdapat hampir 120 gambalan dalam satu kumpulan persesembahan

⁶ Epik Ramayana merupakan cerita pokok dalam persesembahan Wayang Kulit Kelantan.





dan pemilihan dibuat berdasarkan penampilan dalam cerita yang dimainkan ketika persempahan.

1.10.2 Gender

Istilah gender sering disamakan dengan sex. Walau bagaimanapun, kedua-dua istilah ini mempunyai makna berbeza, iaitu sex merupakan identiti biologi seseorang individu yang merujuk kepada lelaki dan wanita. Manakala gender merupakan satu proses di mana ciri-ciri lelaki dan wanita dipertimbangkan sebagai maskulin dan feminin (Sandra L. Bem, 1981). Selain itu, gender turut merujuk kepada kepercayaan budaya seseorang individu tentang peranan jantina (R. Levant, K. Richmond, S. Cook, A. T. House, & M. Aupont, 2007). Oleh itu, ciri-ciri gender sama ada maskulin atau feminin merupakan sifat-sifat yang terbentuk berdasarkan pemerhatian dan kepercayaan tentang peranan lelaki dan wanita.

1.10.3 Watak Halus

Halus diklasifikasikan sebagai murni, berbudi halus, halus tingkah laku, sopan, indah, lemah lembut, beradab dan ramah (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2012). Maka watak halus merupakan watak-watak dalam WKK yang mempunyai ciri-ciri seperti dalam pemaknaan halus tersebut. Menurut Tyas Purbasari (2012), watak halus dalam wayang mempunyai bentuk yang kecil, kelihatan kurus, kepala dalam keadaan tunduk dan mempunyai mata yang sepet. Selain itu, watak halus juga dibentuk dan diukir dengan





kedua kakinya merapat dan jangkahan yang sempit. Contoh yang terdapat dalam Wayang Kulit Karya Perajin Wayang Desa Tunahan Kabupaten Jepara ialah watak Arjuna, Lesmana, Punta Dewa, Abimanyu dan Batara Kamajaya. Berdasarkan ciri-ciri yang terdapat dalam watak halus, watak-watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi dipilih sebagai subjek kajian.

1.10.4 Pendalangan

Pendalangan merupakan salah satu cabang utama dalam persembahan WKK dalam memastikan sesuatu persembahan berlangsung. Dalang merupakan individu yang bertanggungjawab untuk mengepalai kumpulan persembahan WKK tersebut.

Tanggungjawab-tanggungjawab yang perlu digalas oleh seorang dalang meliputi menggerakkan gembalan, menuturkan dialog secara improvisasi, menghasilkan dan membezakan 12 jenis suara watak, menyanyi dan memberi arahan kepada pemuzik.

Pendalangan merupakan satu bidang yang memerlukan seorang dalang menghafal dan memahami dengan mendalam penceritaan dalam Epik Ramayana yang merupakan cerita pokok dalam WKK. Selain itu, terdapat cerita ranting, tanggam dan saduran yang perlu dikuasai oleh seorang dalang. Seterusnya, teknik penyampaian yang menarik turut diperlukan oleh seorang dalang bagi menguasai keseluruhan persembahan dan memikat hati penonton untuk terus menonton hingga ke akhir cerita. Antara teknik-teknik yang perlu diberi penekanan dalam pendalangan WKK ialah posisi letak tubuh, teknik memegang gembalan, teknik menggerakkan gembalan, teknik menghasilkan bayang pada kelir dan teknik pengucapan serta penceritaan.





Keseluruhan teknik yang perlu diberi penekanan oleh dalang merupakan elemen yang membentuk watak dan perwatakan dalam WKK. Setiap pergerakan gambalan memerlukan irungan muzik bagi mempamerkan watak dan perwatakan seperti yang terdapat dalam epik Ramayana. Irungan muzik tersebut perlu bagi mendapatkan kesan dramatik dalam beberapa pergerakan seperti pergerakan keluar dan masuk watak, berjalan, berperang, dan memujuk.

1.10.5 Teks Naratif

Teks Naratif merupakan jalan penceritaan yang dilontarkan oleh dalang dalam persembahan WKK. Dalam konteks WKK, repertoire ini disampaikan secara oral oleh

dalang kepada muridnya dan tidak didokumentasikan. Walau bagaimanapun, Amin Sweeney, pengkaji Wayang Kulit telah mendokumentasikan repertoire ini dalam bentuk penulisan. Manuskrip ini merupakan skrip persembahan cerita pokok Epik Ramayana yang dipersembahkan oleh dalang Awang Lah suatu ketika dahulu. Selain dari pada manuskrip sedia ada, kajian ini turut merakamkan persembahan WKK epik Ramayana yang dipersembahkan oleh dalang Che Mohd Nasir dan hasil daripada transkripsi tersebut, terhasil skrip Epik Ramayana. Kedua-dua sumber ini menjadi panduan teks naratif yang digunakan dalam proses menganalisis.





1.10.6 Metafizik

Metafizik memaparkan fenomena intelektual yang luar biasa dan mistik (Morris Lazerowitz, 2002). Selain itu, metafizik turut ditakrifkan sebagai perbincangan tentang a) sifat jirim dan minda dan perkaitan antara kedua-duanya b) kewujudan sifat-sifat tuhan c) kebebasan yang dikehendaki mengikut kemahuan manusia dan d) keabadian jiwa (C.H Whiteley, 1977). Berdasarkan kepada pemaknaan metafizik, dapat dikenal pasti bahawa metafizik merupakan satu keadaan yang melibatkan alam yang tidak dapat dilihat dengan pandangan mata kasar atau secara fizikal tetapi kewujudannya diakui. Metafizik merupakan satu unsur yang mempunyai jirim yang terdiri daripada zarah-zarah halus dan menjurus kepada hubungan ketuhanan. Hubungan ketuhanan dapat dibentuk dengan pengabdian jiwa yang tulus bagi mencapai tahap kesucian.



1.10.7 Sakral

Sakral merupakan satu istilah merujuk kepada hubungan dengan Tuhan yang pada dasarnya mengalami penghayatan kosmik, mistik atau agama dengan meletakkan asas-asas spiritual (Mirza Shahrani, 2008). Hal ini memberi makna bahawa sakral merupakan satu kaedah komunikasi suci yang menjadi perantaraan antara kehidupan di dunia dengan pencipta. Selain itu, kesucian ini juga meletakkan tahap kesedaran spiritual yang mempunyai perbezaan ruang dengan duniawi. Selain itu, Hajah Noresah bt. Baharom (2005) turut menyatakan bahawa sakral merupakan perkara yang berkaitan dengan upacara suci atau sesuatu perkara dijalankan untuk memenuhi upacara suci.





1.11 Kajian Literatur

Epik Ramayana diperhalusi oleh Singaravelu Sachithanantham (2004) dalam buku bertajuk *The Ramayana Tradition in Southeast Asia*. Buku ini memberiuraian secara menyeluruh tentang Epik Ramayana yang meliputi keseluruhan asal usul, sejarah dan penceritaan yang termaktub dalam tradisi India. Walau bagaimanapun, buku ini turut meneliti pengaruh yang hadir bersama pergerakan epik tersebut ke Asia Tenggara.

Dari sudut yang berbeza, epik Ramayana dikupas oleh GRK Murty (2013) dengan berorientasikan teori feminism. Dalam kajian ini, beliau membincangkan isu Sita sebagai ilustrasi penaklukan wanita dalam budaya Hindu dan Sita sebagai model dalam pelaksanaan sistem patriarki. Oleh yang demikian, dapat dilihat bahawa epik Ramayana tradisional telah dikaji menggunakan teori moden. Dengan wujudnya ideologi feminism dalam epik Ramayana, maka Epik Ramayana yang digunakan dalam WKK juga boleh dilihat dengan menggunakan teori-teori moden yang lain.

Muhammad Dain Othman (2012) memberi penerangan menyeluruh dalam buku Hikayat Mahraja Wana versi Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan untuk memberi pengetahuan asas kepada pembaca. Beliau turut menyatakan bahawa Epik Ramayana digunakan dalam repertoire WKK sebagai cerita pokok, iaitu cerita utama dalam WKK. Oleh yang demikian, individu yang ingin menjadi dalang WKK perlu memahami repertoire ini secara rinci dan mendalam. Walau bagaimanapun, epik Ramayana yang digunakan dalam persembahan WKK adalah mengikut aspek budaya dan pengaruh setempat dan dikenali sebagai Hikayat Mahraja Wana.





Informasi tentang Epik Ramayana dalam WKK turut diperoleh dari buku bertajuk Hikayat Mahraja Wana versi Wayang Kulit Melayu Tradisional Kelantan yang ditulis oleh Muhammad Dain Othman (2011). Buku ini menjelaskan penceritaan dan latar belakang watak-watak utama yang terdapat dalam Hikayat Mahraja Wana. Hikayat Mahraja Wana mengetengahkan isu persengketaan antara watak protagonis, Seri Rama dan watak antagonis, iaitu Mahraja Wana. Persengketaan tersebut berakhir dengan kemenangan menyebelahi pihak yang benar dan membuat kebaikan serta mempunyai kebijaksanaan. Mahraja Wana digambarkan dengan watak yang sangat jahat dan mementingkan diri sendiri manakala Seri Rama merupakan watak yang dipenuhi kasih sayang, bertanggungjawab dan menentang. Dalam penulisan ini, beliau ada menyatakan bahawa tidak kesemua yang terkandung dalam Epik Ramayana Valmiki dipetik dan dimainkan dalam persembahan WKK. Hal ini kerana, Hikayat

Mahraja Wana ini merupakan kombinasi tiga versi Ramayana di Asia Tenggara yang telah diselitkan dengan budaya dan adat Melayu. Selain penulisan ini, Hikayat Mahraja Wana turut diamalkan oleh beliau sejak turun temurun dan disampaikan melalui lisan.

Walau bagaimanapun, Hikayat Mahraja Wana turut dikenali sebagai Hikayat Seri Rama oleh dalang-dalang lain. Perbezaan nama Hikayat ini adalah berdasarkan sudut penceritaan yang berbeza namun membawa latar belakang setiap watak adalah sama. Penceritaan tentang Hikayat Seri Rama ditulis oleh W.G Shellabear (1964) mengisahkan Seri Rama yang berusaha keras untuk menyelamatkan Siti Dewi daripada cengkaman raksasa jahat berkepala sepuluh, iaitu Mahraja Wana. Penulisan ini dikatakan menyamai penulisan asal Epik Ramayana yang ditulis oleh Valmiki dalam bahasa sanskrit.





Selain itu, jurnal *The Kelantan Shadow Play* tulisan Anker Rentse (1936) turut menerangkan sejarah perkembangan dan kehadiran Wayang Kulit Kelantan. Walau bagaimanapun, struktur persembahan WKK turut dijadikan sebagai fokus termasuk aspek ritual yang terdapat dalam persembahan.

Selain Anker Rentse,uraian yang lebih rinci tentang upacara ritual WKK dijelaskan oleh Ghulam Sarwar Yousof (1992). Beliau menulis tentang Teater Tradisional termasuk Mak Yong dan Wayang Kulit dan buku beliau bertajuk Panggung Semar: *Aspects of Traditional Malay Theatre*. Penulisan ini banyak membincangkan proses upacara ritual yang terdapat dalam persembahan tradisional. Fokus diberikan kepada WKK yang melibatkan upacara berjamu sebagai salah satu upacara ritual yang dikenali ramai sebagai upacara memberi makan kepada makhluk halus.



Selain buku-buku dan jurnal, tesis-tesis lain turut diberi perhatian. Penulisan tesis yang bertajuk *Wayang Siam: An Ethnographic Study of the Malay Shadow Play of Kelantan* membincangkan pengetahuan tentang magis tradisional yang diamalkan oleh masyarakat setempat. Tambahan lagi, kepercayaan dan amalan Islamik oleh masyarakat sekeliling turut menjadi perbincangan dalam tesis tersebut. Perkara ini merupakan adat yang telah diamalkan sejak turun temurun dan telah sebat dengan kehidupan masyarakat di Kelantan (Wright, 1980).

Aspek perwatakan diperincikan lagi oleh Jeune Scott-Kemball (1959) bertajuk *The Kelantan Wayang Siam Shadow puppets 'Rama' and 'Hanuman': A Comparative Study of Their Structure*. Artikel ini membincangkan watak dan perwatakan dua daripada watak WKK, iaitu Hanuman dan Rama. Analisis watak tersebut adalah





meliputi beberapa Wayang Kulit di Asia Tenggara. Aspek watak dan perwatakan Seri Rama diperhalusi bagi mengupas ciri-ciri feminin yang terdapat dalam perwatakan Seri Rama.

Kajian tentang reka bentuk gambalan merupakan asas bagi melihat pergerakan gambalan yang digunakan dalam kajian ini. Rujukan tentang reka bentuk penting untuk menilai rekaan gambalan yang telah dihasilkan dari aspek komunikasi dalam rekaan. Bahagian reka bentuk gambalan dilihat melalui buku bertajuk *Principles of Two-Dimensional Design* yang menjelaskan tentang konsep bentuk, struktur dan komposisi. Konsep-konsep ini merupakan asas kepada penghasilan setiap reka bentuk (Wong, 1972).



Wayang Kulit Kelantan (Che Mat Jusoh, 2008) menerangkan konsep idea rekaan gambalan dalam WKK. Reka bentuk gambalan WKK mempunyai banyak pengaruh Thailand dan dapat dilihat pada watak Seri Rama. Antara bahagian-bahagian yang mempunyai pengaruh Thailand adalah kecopong dan sayap sandang. Bahagian kecopong dan sayap sandang diukir berpandukan persembahan Menora.

Rekaan gambalan WKK yang mempunyai pengaruh daripada Thailand turut dibuktikan oleh Amin Sweeney dalam buku beliau bertajuk *Malay Shadow Puppets: The Wayang Siam of Kelantan* (1972a). Sweeney membincangkan tentang reka bentuk gambalan secara ringkas dan pengaruh yang dibawa dari Thailand. Sweeney turut menceritakan bahawa gambalan WKK terbahagi kepada beberapa kategori mengikut penampilan dan sifat yang digambarkan. Secara keseluruhannya, rekaan gambalan ini





memenuhi ciri-ciri kecantikan Melayu. Selain rekaan, kaedah-kaedah pembuatan gambalan turut disentuh dalam penulisan beliau.

Mary Beth Osnes (1992) dalam kajian doktor falsafahnya bertajuk *A Survey of Shadow Play in the Malaysian Traditional Shadow Puppet Theatre* meneliti gabungan elemen-elemen dalam WKK yang perlu untuk menjayakan sesuatu persembahan. Kombinasi ini penting bagi memastikan setiap persembahan berjalan lancar. Hal ini meliputi persejarahan, pembuatan gambalan dan aspek-aspek persembahan.

Perbandingan Antara Dua Seni Rupa Seri Rama dalam Wayang Kelantan merupakan artikel yang membincangkan tentang watak Seri Rama daripada dua rekaan yang berbeza. Terdapat perbezaan reka bentuk gambalan antara kawasan di Kelantan.

Kawasan ini dibahagikan kepada Barat, Timur dan Selatan mengikut aliran sungai Kelantan. Kelantan Barat meliputi daerah Tumpat dan Pasir Mas manakala Kelantan Timur meliputi daerah Kota Bharu, Bachok dan Pasir Putih. Kelantan Selatan pula adalah pada daerah Tanah Merah, Machang dan Kuala Krai. Antara ketiga-tiga bahagian ini, bahagian Kelantan Barat dan Timur mempunyai identiti reka bentuk gambalan tersendiri. Identiti reka bentuk gambalan ditunjukkan melalui beberapa ciri-ciri yang perlu ditonjolkan dalam pembuatan gambalan. Contoh ciri-ciri yang memberi gambaran identiti dalam reka bentuk gambalan Seri Rama ialah 1) kecopong 2) tangan belakang 3) naga tangan dan 4) naga kaki (Che Mat Jusoh, 2010).

Beth Osnes (2010) dalam bukunya yang bertajuk *The shadow Puppet Theatre of Malaysia* menerangkan tentang skrip dan reka bentuk gambalan yang mempunyai ciri-ciri feminin dalam reka bentuk. Tambahan pula, buku ini turut mempunyai





bahagian yang melibatkan praktikal, pedagogi dan isu etika yang timbul ketika sesi pengajaran WKK dijalankan.

Selain itu, watak dan perwatakan yang terdapat dalam epik Ramayana dikaji bagi mendapatkan elemen pengaruh yang diserapkan dalam Epik Ramayana. Alouis Wurm (1976) dalam buku yang bertajuk *Character-portrayals in the Ramayana of Valmiki* membuat analisis perwatakan secara terperinci watak-watak utama, termasuk Rama, Laksamana dan Sita yang merupakan watak yang terlibat dalam kajian ini.

Terdapat lebih dari 100 watak dalam WKK dan watak-watak ini dibahagikan kepada tiga, iaitu watak-watak halus, watak-watak kasar dan watak-watak orang pertapaan (Jamaludin Osman, 2002). Hal ini diperjelaskan oleh beliau dalam teknik teknik berjalan dalam sistem pendalangan dalam WKK. Kajian ini hanya memberi perhatian kepada watak-watak halus sebagai sampel kajian.

Teori skema gender merupakan salah satu daripada teori gender yang merujuk kepada skema femininiti, maskuliniti dan androgini. Melalui *Encyclopedia of Communication Theory* (2009), Stephen W. Littlejohn dan Karen A. Foss mengumpulkan teori-teori yang digunakan dalam komunikasi dan teori skema gender adalah salah satu teori yang diperjelaskan dalam ensiklopedia tersebut. Teori skema gender merupakan satu proses mentafsir tanda bagi menghuraikan ciri-ciri gender.

Instrumen kajian dipilih berdasarkan *The Femininity Ideology Scale: Factor Structure, Reliability, Convergent and Discriminant Validity, and Social Contextual Variation* (R. Levant et al., 2007). Penulisan ini menyenaraikan pelbagai alat ukur yang





boleh digunakan sebagai instrumen dalam penentuan ciri-ciri feminin dan maskulin seseorang individu. Berdasarkan beberapa alat ukur, didapati bahawa *Bem Sex-Role Inventory* adalah instrumen yang paling sesuai untuk digunakan dalam kajian ini.

Selain itu, Mohd Kipli Abdul Rahman (2012) turut membincangkan sifat dan karakter watak dalam epik Ramayana, iaitu Rama dalam buku bertajuk Sinkritisme dalam Wayang Wong Johor. Watak Rama memerlukan individu yang berwajah tampan dan bertubuh sederhana manakala watak raksasa memerlukan individu yang berbadan besar. Watak-watak halus inilah memberi pemaknaan tentang ciri-ciri feminin dalam WKK.

Jones (2005) turut menyokong dan menyatakan bahawa kemahiran feminin

sakral wujud dalam kedua-dua jantina, iaitu lelaki dan wanita. Maka, terma feminin sakral tidak hanya terhad kepada wanita kerana sifat feminin tersebut turut hadir dalam diri lelaki.

Berdasarkan kajian literatur yang telah dijalankan, didapati bahawa kajian tentang ciri-ciri feminin watak-watak Wayang Kulit Kelantan belum ditemui walaupun terdapat banyak kajian tentang Wayang Kulit Kelantan dibuat. Walau bagaimanapun, terdapat kenyataan dalam kajian Beth Osnes (2010) yang menyatakan bahawa gambalan Seri Rama mempunyai visual yang kelihatan feminin. Kenyataan tersebut dijadikan sebagai titik tolak permulaan penyelidikan ini. Oleh yang demikian, feminin sakral: simbol status watak Wayang Kulit Kelantan dipilih sebagai topik perbincangan dalam kajian.





1.12 Organisasi Tesis

Tesis ini dimulakan pada bab pertama dengan pengenalan tentang kajian yang telah dijalankan. Perbincangan bab ini dimulakan dengan permasalahan yang timbul dalam Wayang Kulit Kelantan. Melalui permasalahan tersebut, objektif kajian dan persoalan kajian dapat dikenal pasti dan seterusnya rangka kajian dibina. Rangka ini merangkumi hipotesis, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi, istilah konseptual dan kajian literatur. Bab ini merupakan bab yang sangat penting dalam sesbuah kajian bagi memastikan kajian dapat berjalan dengan lancar seperti mana yang dirancang.

Bab kedua adalah bab yang menerangkan Epik Ramayana yang diubahsuai mengikut masyarakat setempat dan akhirnya dikenali sebagai Hikayat Seri Rama. Bab ini juga menekankan tentang latar belakang informan, iaitu Che Mohd Nasir Yusoff dan cerita pokok yang digunakan oleh beliau. Bab ini juga turut menekankan kosmologi dan konsep dewaraja yang digunakan oleh informan.

Bab ketiga membincangkan tentang latar belakang setiap watak dan proses pembinaan perwatakan watak-watak halus WKK yang dipilih, iaitu Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi. Perwatakan seseorang dibina berdasarkan latar belakang keluarga dan masyarakat sekeliling. Proses ini dilihat berdasarkan Teori Skema Gender yang diketengahkan oleh Sandra Lipsitz Bem (1974). Oleh yang demikian, proses pembinaan perwatakan yang telah dikenal pasti dapat memudahkan kajian untuk mengenal pasti ciri-ciri feminin dalam watak-watak halus yang dipilih. Hal ini kerana, kedua-dua proses dan ciri-ciri feminin berkait rapat.





Seterusnya, bab keempat merupakan bab analisis yang mengenal pasti ciri-ciri feminin Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi yang dapat dilihat melalui reka bentuk gambalan. Analisis ini dibuat dengan menggunakan *Bem Sex-Role Inventory* sebagai kayu ukur untuk mengenal pasti ciri-ciri feminin dalam watak-watak WKK tersebut. Inventori ini mempunyai 20 ciri-ciri feminin, 20 ciri-ciri maskulin dan 20 ciri-ciri androgini. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya mengambil 20 ciri-ciri feminin sebagai garis panduan dalam menganalisis data.

Bab lima tesis ini pula membincangkan ciri-ciri feminin Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi yang dapat dikenal pasti melalui pergerakan gambalan. Pada peringkat permulaan, asas pergerakan gambalan WKK diuraikan untuk memberi gambaran awal tentang sistem dan prinsip menggerakkan gambalan dalam WKK. Kemudian, berdasarkan prinsip-asas tersebut, ciri-ciri feminin dikenal pasti melalui pergerakan gambalan. Asas pergerakan perlu diteliti sebelum ciri-ciri feminin dianalisis adalah disebabkan prinsip ini mempengaruhi pergerakan setiap gambalan dan mempunyai pemaknaan tertentu.

Bab seterusnya adalah bab yang mendedahkan ciri-ciri feminin Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi yang dapat dilihat melalui teks naratif. Bab ini dimulakan dengan sinopsis teks naratif yang dipilih, iaitu Hikayat Seri Rama. Hikayat Seri Rama dipilih kerana hikayat tersebut merupakan cerita pokok dalam WKK yang dibina berpandukan epik Ramayana. Ciri-ciri feminin watak-watak halus yang terdapat dalam teks naratif ini dikenal pasti setelah Hikayat Seri Rama dihalusi. Bab ini meneliti dialog yang ditelah dirakam persebahannya dan telah menjalani proses transkripsi berdasarkan rakaman serta ditulis dalam bentuk skrip.





Bab ketujuh merupakan bab yang menggabungkan kesemua ciri-ciri feminin dalam watak Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi yang dilihat melalui reka bentuk gembalan, pergerakan gembalan dan teks naratif. Gabungan ini mempunyai perkaitan dengan sakral dari sudut falsafah dalam alam semesta. Dengan peratusan tinggi ciri-ciri feminin dalam diri setiap insan akan mendekatkan diri dengan pencipta. Oleh yang demikian, terbentuk feminin sakral yang mengangkat status Seri Rama, Laksamana dan Siti Dewi lebih tinggi.

Bab kelapan merupakan bab yang merumuskan semua perbincangan yang terdapat dalam bab pertama hingga bab keenam. Diakhir bab ini dapat membuktikan hipotesis awal kajian ini dapat dicapai.

